



Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Konsep Ruang Serambi Rumah Tradisional Melayu di Negeri Sembilan.

Siti Fatimah Tuzzahrah Bt Hj Abd Latif ^{a*}, Dr. Kamarul Afizi bin Kosman ^b

^aPoliteknik Port Dickson, 71050, Si Rusa, N. Sembilan, ^bFakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43650, Bangi.

Abstrak

Kajian 'Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Konsep Ruang Serambi Rumah Tradisional Melayu di Negeri Sembilan' merupakan sebuah penyelidikan berkaitan adat dan warisan seni bina di Negeri Sembilan. Adat Perpatih dan rumah tradisional Melayu atap lentik merupakan simbol kemegahan dan kebudayaan masyarakat adat di Negeri Sembilan. Seni bina rumah tradisional Melayu atap lentik merupakan satu bentuk manifestasi budaya masyarakat Melayu di mana setiap elemen-elemen yang terkandung pada seni bina ini penuh dengan maksud yang tersirat yang mencerminkan identiti dan budaya masyarakat. Kini, keunikan senibina rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan semakin dipinggirkan dan tidak dihargai oleh masyarakat. Arus permodenan yang melanda negara telah mempengaruhi masyarakat untuk mengejar kecanggihan teknologi dan meninggalkan budaya dan warisan seni bina tradisional ke belakang. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan sebagai usaha untuk memelihara serta memperkasakan adat dan warisan negara melalui kaedah pendokumentasian dan penafsiran terhadap nilai-nilai yang terkandung pada seni bina agung ini. Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk menghuraikan pengaruh Adat Perpatih terhadap konsep ruang serambi rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan. Keunikan konsep rekabentuk ruang rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan ini perlu direkodkan agar tidak hilang ditelan zaman dan dapat dipertontonkan kepada generasi akan datang di samping memberi kefahaman serta kesedaran kepada masyarakat luar khususnya golongan profesional untuk bersama-sama memelihara warisan yang amat bermilai ini. Hasil kajian ini telah menunjukkan, Adat Perpatih di Negeri Sembilan telah mempengaruhi sebahagian besar konsep rekabentuk ruang serambi RTMN9 khususnya pada aturan ruang dalam bagi memenuhi tuntutan adat dan ruang ini juga telah diwartakan sebagai ruang khusus bagi kaum lelaki bagi menjalankan adat.

© 2020 Published by JOJAPS Limited

Kata kunci: Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan, serambi, Adat Perpatih, konsep.

1. Pengenalan

Seni bina rumah tradisional Melayu merupakan sebuah seni bina unik yang memenuhi segala keperluan sosio budaya masyarakat dan alam sekelilingnya. Banyak pengkaji tempatan mahupun luar negara mengagumi dan mengakui akan kehebatan rekabentuk ini yang mana mampu bertahan sehingga ke hari ini. Konsep rekabentuk rumah tradisioanal perlu difahami supaya nilai-nilai yang terkandung padanya boleh diterapkan kedalam rekabentuk rumah kediaman pada masa kini. Pemahaman terhadap seni bina Melayu di Malaysia perlu bermula dengan pemahaman masyarakat terhadap elemen yang terkandung di dalam seni bina tersebut (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim 2007). Ruang merupakan salah satu elemen terpenting dalam rekabentuk rumah Melayu dan kewujudannya berkait rapat dengan aktiviti penghuni yang meliputi aktiviti sosial dan budaya masyarakat. Penafsiran semula elemen-elemen yang terkandung dalam seni bina Melayu merupakan salah satu pendekatan yang telah diperkenalkan ke arah pengecaman dan pengenalan kepada identiti seni bina Negara (Kamarul Afizi Kosman 2009). Banyak rekabentuk rumah kediaman moden masa kini dilihat telah mengabaikan faktor sosio budaya dalam penghasilan rekabentuk ruang khususnya pada rekabentuk ruang rumah kediaman. Tidak memahami konsep ruang, bermaksud seni bina yang terhasil tidak dapat berfungsi dengan baik dan akan mengundang ketidakselesaan pada penghuni ruang. Bagi membina kefahaman yang mendalam terhadap penghasilan rekabentuk ruang yang sempurna dan memenuhi kehendak sosio budaya masyarakat, kaedah penafsiran semula konsep ruang rumah tradisional Melayu perlu dilaksanakan agar rekabentuk ruang yang terhasil lebih mencerminkan identity dan budaya masyarakat tempatan (Surat et al. 2012). Oleh itu, artikel ini akan

memfokuskan perbincangan secara terperinci berkenaan salah satu ruang di dalam rekabentuk rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan (RTMN9) iaitu ruang serambi. Kekurangan kajian serta penerbitan mengenai konsep rekabentuk ruang serambi dari sudut antropologi telah mewujudkan pemahaman singkat masyarakat terhadap kewujudan ruang tersebut pada rekabentuk rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan. Kajian yang mendalam terhadap konsep ruang serambi rumah Negeri Sembilan serta pengaruh amalan Adat Perpatih terhadap seni bina tersebut juga dirasakan amat penting dilaksanakan kerana dikhuatiri tanpa dokumentasi dan kajian tertentu, keunikan budaya, adat dan seni bina ini akan lenyap ditelan zaman. Menurut Nafida (2007), pendokumentasian adalah salah satu cara yang tepat bagi memastikan keunikan sesebuah seni bina terus terpelihara. Penyelidikan ini, diharap dapat menyumbangkan pemahaman yang lebih holistik kepada masyarakat luar terutama kepada golongan profesional mengenai keunikan seni bina warisan negara khususnya nilai-nilai falsafah rekabentuk ruang rumah tradisional Melayu untuk diterap dan di suaipadankan ke dalam rekabentuk moden masa kini bagi menghasilkan sebuah rekabentuk yang beridentiti, berjiwa dan berbudayakan masyarakat timur.

2. Objektif dan Metodologi

Bertitik tolak daripada isu kajian, objektif penulisan artikel ini adalah untuk menghuraikan pengaruh Adat Perpatih terhadap konsep ruang serambi rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan. Kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi gabungan di antara kajian naratif, pemerhatian dan penganalisaan terhadap kajian lepas. Kajian naratif dilaksanakan dengan merekod data temubual berkaitan pelaksanaan Adat Perpatih dan seni bina ruang serambi melalui perkongsian pengalaman daripada beberapa orang responden terpilih yang terdiri daripada pakar-pakar Adat Perpatih dan seni bina warisan di Negeri Sembilan. Data yang diperolehi adalah data primer berbentuk rakaman audiografi, lakaran dan catatan pengalaman responden. Dapatan yang diperolehi dianalisis dan dibuat penghuraian terperinci bagi menerangkan pengaruh Adat Perpatih terhadap konsep rekabentuk ruang serambi bagi rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan.

3. Adat Perpatih di Negeri Sembilan

Adat menurut kamus dewan bermaksud suatu peraturan yang diamalkan secara turun temurun sejak dahulu kala di dalam masyarakat yang harus dipatuhi. Adat juga didefinisikan sebagai suatu perkara yang sudah menjadi kebiasaan. Perkataan adat adalah dari bahasa Arab ‘adah’ yang bererti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang, kemudian ia menjadi kebiasaan yang diikuti oleh orang lain dan kebiasaan itu telah menjadi adat (Pustaka 2017). Konsep adat dalam masyarakat Melayu bukan sahaja bermaksud istiadat atau upacara tetapi termasuk terhadap seluruh sistem hidup seperti sistem sosial, kepercayaan dan perundangan. Bagi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, mereka mengamalkan Adat Perpatih di dalam kehidupan seharian. Adat Perpatih telah diperkenalkan oleh Dato Perpatih Nan Sebatang, anak raja yang berasal daripada Negeri Minangkabau, Sumatera (Norhalim Ibrahim 2007). Menurut Idrus (1996), amalan adat yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan adalah gabungan daripada dua budaya masyarakat iaitu budaya yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau yang bermigrasi ke Negeri Sembilan sejak berabad-abad dahulu dan budaya masyarakat tempatan melalui persemendaan dan berkadim (Noraziz Selat 1990). Amalan Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah bersifat matriarkal, iaitu kaum wanita mempunyai kedudukan utama dalam sistem masyarakat. Adat Perpatih telah mengangkat darjat wanita dalam semua aspek termasuklah kuasa memutuskan atau melantik penyangand pusaka pentadbiran adat dari peringkat bawah sehingga atasan (Hermayulis, Sh 2007). Kaum wanita juga adalah pewaris kepada harta pusaka seperti rumah dan tanah selain penentu kepada keturunan atau nasab anak. Menurut Adat Perpatih, penentuan suku anak adalah mengikut nasab ibu. Nilai sosio-budaya masyarakat adat di Negeri Sembilan adalah berlandaskan kepada dua konsep utama dalam kehidupan masyarakat iaitu muafakat dan budi (Yatim 2007).

4. Pengaruh Adat Perpatih terhadap Konsep Ruang Serambi RTMN9.

Rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan (RTMN9) merupakan salah satu bentuk harta pusaka yang diwarisi secara turun temurun dalam kalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan selain tanah sawah dan ladang. RTMN9 hanya boleh diwariskan kepada anak perempuan sahaja selaras dengan konsep matrilineal Adat Perpatih (Hardono 2015). RTMN9 telah direkabentuk dan dibina oleh masyarakat dahulu bagi memenuhi keperluan kehidupan seharian masyarakat serta keperluan adat iaitu sebagai ruang melaksanakan pelbagai aktiviti harian dan juga aktiviti Adat Perpatih (Chen et al. 2008). Menurut Idrus (1996), rumah tradisional Negeri Sembilan mempunyai fungsi yang meluas bagi memenuhi keperluan hidup penghuni seperti digunakan sebagai tempat tinggal dan tempat berlindung bagi kaum ibu dan anak perempuan, tempat membesarkan anak-anak, tempat permulaan kehidupan pasangan baru berkahwin, tempat kaum ibu melahirkan anak, tempat perjumpaan dan bermusyawarah keluarga dan tempat untuk pengurusan jenazah apabila tiba waktu kematian. Ini bererti, fungsi rumah tradisional Negeri Sembilan adalah menyeluruh bagi memenuhi tuntutan dan keperluan permulaan dan pengakhiran kehidupan seorang manusia.




Foto1 Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan, Rumah Atap Lentik.

Di Negeri Sembilan, Adat Perpatih merupakan amalan sosial turun temurun yang telah diamalkan oleh masyarakatnya. Adat Perpatih bukan sahaja mempengaruhi sosio budaya masyarakat, malah turut mempengaruhi sebahagian besar falsafah rekabentuk rumah kediaman termasuklah terhadap rekabentuk ruang. Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat Negeri Sembilan telah menyumbangkan satu pengaruh yang sangat besar sehingga segenap ruang di dalam RTMN9 direkabentuk terkait dengan fungsinya dalam adat (Othman Mohd Nor, R. Nafida, Norfazillah 2014). Ruang-ruang dalam RTMN9 telah direka bentuk sebagai wadah kepada pelaksanaan adat dan budaya iaitu ruang-ruang tersebut dijadikan sebagai tempat menjalankan upacara-upacara adat dan budaya oleh pemiliknya.



Foto 2 Aktiviti-aktiviti Adat Perpatih Yang Berlangsung Di dalam Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan.


Ruang-ruang utama yang terdapat dalam sebuah rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan ialah seperti ruang serambi, rumah ibu dan dapur. Ruang serambi telah dijadikan ruang khusus bagi pelaksanaan adat istiadat dan juga merupakan ruang dominan bagi kaum lelaki (Idrus 1996). Pelbagai upacara adat istiadat berlangsung di ruang serambi rumah dan ruang ini juga dianggap sebagai ruang formal sewaktu pelaksanaan aktiviti-aktiviti adat. Ruang rumah ibu pula adalah ruang khusus bagi wanita dan dapur pula adalah ruang bagi aktiviti-aktiviti keluarga seperti memasak, menjahit dan lain-lain. Rekabentuk ruang-ruang di dalam RTMN9 telah dipengaruhi oleh amalan Adat Perpatih yang memperkenalkan konsep matrilineal dalam pelaksanaan adat iaitu mengangkat darjat kaum wanita dalam semua perkara waima dalam penghasilan seni bina rumah tradisional (Khalid bin Bonget 2007). Konsep ini dapat diterjemahkan pada susunan hierarki ruang dalam rumah, iaitu ruang rumah ibu direka pada aras yang lebih tinggi berbanding ruang lain yang bertujuan mempamerkan darjat dan kepentingan wanita dalam amalan Adat Perpatih iaitu di paras yang paling tinggi dan termulia. Selain itu, kedudukan ruang serambi RTMN9 yang berada di zon paling hadapan rumah juga memberi maksud perlindungan terhadap kaum wanita iaitu ruang serambi yang merupakan ruang khusus kaum lelaki adalah menjadi perlintang barisan hadapan kepada kaum wanita di ruang rumah ibu.




Rajah 1(A) Pelan Lantai Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan.

Rajah 1(B) Aras Lantai Serambi RTMN9 Lebih Rendah Daripada Aras Lantai Rumah Ibu.

Dalam Adat Perpatih, kuasa pemegang adat adalah pada kaum wanita yang diketuai oleh *ibu soko*. Segala isu dan aktiviti berkaitan adat yang hendak dilaksanakan oleh anggota suku perlu mendapat persetujuan *ibu soko* sebelum dilaksanakan. Ibu soko adalah wanita yang dilantik dalam perut atau suku, iaitu individu yang benar-benar faham dan mahir berkenaan perihal adat dan mengetahui akan asal usul serta susur galur salasilah kelompok keluarganya (Norhalim Hj Ibrahim 2003). Kaum Lelaki pula adalah orang yang akan melaksanakan adat bermula dari peringkat yang paling asas iaitu *waris*, *waris tua*, *buapak*, *Dato' Lembaga* dan akhirnya kepada *Penghulu Luak*. Perbincangan berkaitan dengan isu adat, istiadat atau persiapan kenduri kendara akan dilaksanakan di ruang serambi rumah secara muafakat anak buah bersama ketua adat. Rekabentuk ruang serambi yang memanjang dan bersifat pelan terbuka tanpa sekatan dinding adalah menyerupai sebuah dewan mesyuarat dan memberikan kesan penglihatan yang menyeluruh kepada tetamu yang hadir ketika berlangsungnya sesuatu aktiviti di ruang tersebut. Rekabentuk ruang serambi yang dipenuhi dengan bukaan tingkap dan kekisi berukiran tebus tembus juga membantu kelancaran peredaran udara di dalam ruang tersebut dan memberikan suasana yang kondusif pada penghuni ruang.



Rajah 2 Kedudukan Penghuni Ruang Ketika Acara Merapat Adat Berlangsung.



Rajah 3 Pelan lantai terbuka memberi kesan penglihatan menyeluruh di dalam ruang serambi


Ruang serambi rumah Melayu Negeri Sembilan adalah ruang adat kepada penghuni rumah dan juga sukunya. Justeru, ruang tersebut mempunyai ciri khusus yang sesuai dijadikan ruang adat. Antara ciri penting ruang serambi yang membolehkannya didefinisikan sebagai ruang adat ialah terdapatnya zon tertentu ketika berlangsungnya upacara adat. Ruang ini dibahagikan kepada tiga zon utama, iaitu pangkal serambi yang terletak di bahagian hilir rumah, zon tengah serambi dan zon ujung (hujung) serambi yang berada di bahagian hulu. Zon-zon ruang yang terdapat di dalam serambi ini adalah berkait dengan kedudukannya. Pangkal serambi dinamakan bersempena dengan kedudukannya yang paling hampir dengan tangga dan pintu masuk, ruang tengah serambi kedudukannya di antara pangkal serambi dan ujung serambi manakala ruang ujung serambi terletak paling jauh daripada pintu masuk ke ruang serambi. Peranan setiap ruang ini adalah tidak sama seperti yang diungkap dalam perbilangan adat berbunyi:

‘Pangkal untuk orang adat, ujung untuk orang alim dan penghulu’.

Ketika berlangsungnya upacara adat, orang syarak dan pemimpin bergelar seperti Dato' Penghulu akan ditempatkan di ujung serambi. Orentasi ujung serambi yang menghadap ke hulu sungai memberi gambaran bahawa ruang tersebut adalah suci, sama seperti air yang turun dari hulu yang jernih dan biasanya berpunca dari gunung atau ulu air. Dalam kebanyakan situasi, ruang ujung serambi akan ditinggikan sedikit dari ruang tengah dan pangkal serambi. Kedudukan orang alim dan pembesar di ujung

serambi juga berkait dengan adat dalam bermasyarakat. Zon hujung serambi merupakan zon yang lebih privasi yang jauh daripada akses laluan keluar masuk tetamu daripada luar atau untuk ke rumah ibu. Oleh yang demikian, ia dapat mengelak perlakuan kurang sopan penghuni rumah atau tetamu yang bergerak di ruang serambi daripada melintas di hadapan orang-orang alim atau tetamu-tetamu bergelar ataupun pembesar-pembesar adat yang berada di zon tersebut.

Selain itu, sewaktu mendirikan adat juga, zon ujung serambi dan pangkal juga akan dihiasi dengan alat kebesaran adat seperti pemasangan tabir langit-langit, tabir lingkung, tikar rompok, tikar langkat dan diletakkan *peminangan*, iaitu bekas berisi sireh pinang sebagai tanda penghormatan dan meraikan ketua atau pemimpin adat oleh anak buah yang menjadi kewajiban dalam mendirikan adat. Secara falsafahnya, pemasangan tabir langit-langit di ruang serambi adalah untuk menghalang sebarang kekotoran seperti habuk daripada bahagian atas rumah terkena pada tetamu kehormat selain bertindak sebagai 'payung' kepada pembesar adat (*lembaga & penghulu luak*) sewaktu berada di ruangan tersebut. Selain itu, Tabir lingkung dipasang di sekeliling dinding zon hujung dan pangkal serambi bagi mewujudkan suasana yang lebih privasi pada ruang tersebut. Pemasangan kain tabir di kedua-dua zon serambi ini adalah sebagai tanda kawasan tersebut merupakan kawasan khas bagi orang yang berkedudukan di dalam adat. Oleh itu, ruang tersebut akan dihiasi dan dirapi sebaik mungkin supaya kelihatan cantik, menarik, kemas, bersih dan selesa.



Rajah 4 Susun atur dan pemasangan alat kebesaran adat di ruang serambi.



Foto 3 Pemasangan *tabir lelangit*, *tabir lingkung*, *tikar rompok*, *tilam pandak* serta alat kebesaran adat di dalam ruang serambi pangkal dan hujung sewaktu pelaksanaan aktiviti adat.

Selain aturan ruang, rekabentuk pintu masuk utama ke ruang serambi rumah juga, telah direka dengan terkait dengan Adat Perpatih. Pintu utama ke serambi telah direka dengan bukaan yang rendah dan dipasang bendul pada bahagian bawah pintu yang telah menghasilkan satu ketertiban perilaku tetamu, iaitu kesemua tetamu yang hadir dalam sesuatu majlis adat, akan berhenti seketika di anak tangga terakhir dan melangkah masuk dengan kaki kanan sambil menundukkan kepala. Sebelumnya juga, tetamu akan membasuh kaki di bahagian bawah rumah tangga yang mana di sisi kanannya diletakkan tempayan air dan gayung tempurung. Perlakuan ini jelas melambangkan betapa masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan terdidik dalam menjaga kebersihan yang dituntut agama, mendidik sikap hormat tetamu kepada tuan rumah selain melahirkan sifat sopan santun dalam kalangan masyarakatnya.

Secara keseluruhannya, Adat Perpatih di Negeri Sembilan yang mendukung konsep matrilenial dalam kehidupan seharian masyarakat yang terhasil daripada pertembungan dua budaya iaitu budaya masyarakat tempatan di Negeri Sembilan dan budaya masyarakat Minangkabau dari kepulauan Sumatera bukan sahaja berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakat, malah turut mempengaruhi seni bina yang terhasil dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan khususnya pada seni bina rumah tradisional. Hasil daripada pertembungan budaya tersebut telah mewujudkan sebuah seni bina yang unik dengan mempamerkan identiti yang tersendiri yang mana bukan sahaja terpamer pada fizikal luaran rumah malahan pada konsep dan falsafah rekabentuk ruang rumah juga terkait dengan amalan adat yang dipegang khususnya pada ruang serambi rumah.

5. Kesimpulan

Penyelidikan ini diharap dapat memberi ruang kefahaman kepada masyarakat tentang konsep dan keunikan perancangan reka bentuk ruang serambi rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan yang berlandaskan adat dan syarak. Diharapkan juga dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak dapat membuka mata masyarakat di luar sana akan keunikan Adat Perpatih ciptaan datuk dan nenek moyang terdahulu dan bersama-sama memelihara adat warisan ini agar dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh generasi pada masa hadapan andai warisan berharga ini hilang ditelan zaman. Sekian, terima kasih

Rujukan

- Chen, Y., Ariffin, S. I. & Wang, M. 2008. The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering* 7(2): 247–254. doi:10.3130/jaabe.7.247
- Hardono, S. 2015. *pengaruh matrilineal pada susun atur ruang dalaman RTNS dan RAM di Sumatera Barat ini*. Universiti Sains Malaysia.
- Hermayulis, Sh, M. 2007. Peranan dan Kedudukan Perempuan Dalam Adat Perpatih. *Adat Perpatih*, hlm. 1st Edisi ., 105–126. Jabatan Warisan Negara.
- Idrus, Y. 1966. Bandingan Aspek Seni Bina Antara Rumah Melayu (Riau Dan Semenanjung) Dengan Rumah Minangkabau (Sumatera).pdf.
- Idrus, Y. 1996. Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Kamarul Afizi Kosman. 2009. Krisis Wacana identiti seni Bina Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim. 2007. Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya. *Masalah dan Penyelesaiannya Sari* 25: 279–290.
- Khalid bin Bonget. 2007. Adat semenda menyemenda dalam adat Perpatih di Negeri Sembilan. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Nafida, R. 2007. Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka : Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Raja Nafida Binti Raja Shahminan. *Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka: Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Malaysia*.
- Norazit Selat. 1990. Adat Perpatih Dan pembangunan Negara. *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, hlm. 1st Edisi ., 35–42. Persatuan Muzium Malaysia.
- Norhalim Hj Ibrahim. 2003. Glosari Adat Negeri Sembilan. AFY Communication Shah Alam.
- Norhalim Ibrahim. 2007. Sejarah Kewujudan Adat Perpatih. Dlm. Negara (pnyt.). *Adat Perpatih*, hlm. 1st Edisi ., 1–241.
- Othman Mohd Nor, R. Nafida, Norfazillah, N. & H. 2014. Peranan Ruang Serambi Dalam Adat Perpatih & Seni Bina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. *Prosiding Simposium Antarabangsa Muafakat Minang.*, hlm. 311-324. UTM. Pustaka, D. B. dan. 2017. Adat. *Pustaka, Dewan Bahasa*. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=adat> [1 November 2020]. Surat, M. S., Baharum, M. A., Usman, I. M. ., Musa, A. R. & Tawil, N. . 2012. Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam. *Journal of Design + Built* 5(1). Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47>
- Yatim, R. 2007. Adat Perpatih, Common Law and Equity: Satu Perbandingan. *Adat Perpatih*, hlm. 1st Edisi ., 15–54. Jabatan Warisan Negara.